



Laporan Tahunan **2007** Annual Report
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





Laporan Tahunan 2007 Annual Report
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Diterbitkan oleh :
Published by :
Bahagian Perhubungan Awam & Korporat, Canselor
Public & Corporate Relations Division, Chancellery
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

September 2008

www.utem.edu.my







KANDUNGAN CONTENTS

Visi dan Misi	4	Vision and Mission
Objektif Universiti	6	Objectives of The University
Dasar Kualiti	7	Quality Policy
Canselor	8	Chancellor
Naib Canselor	10	Vice Chancellor
Lembaga Pengarah Universiti	13	The University Board of Directors
Profil UTeM	17	UTeM's Profile
Senarai Fakulti, Pusat dan Institut	21	List of Faculties, Centres and Institutes
Pengurusan Universiti	23	University Management
Laporan Naib Canselor	29	Vice Chancellor's Report
Akademik dan Antarabangsa	41	Academic and International
Hal Ehwal Pelajar	71	Student Affairs
Pembangunan Kampus dan Prasarana	83	Facilities and Campus Development
Penyelidikan dan Inovasi	93	Research and Innovation
Sumber Manusia dan Tadbir Urus	109	Human Resource and Administration
Diari Peristiwa	117	Diary of Events
UTeM Di Dada Akhbar	135	UTeM On Contemporary Papers
Laporan Kewangan	141	Financial Report
Sidang Pengarang	178	Editorials

VISI

Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif dan Inovatif
Terkemuka di Dunia

VISION

To Be One Of The World's Leading Innovative And Creative
Technical Universities

MISI

Melahirkan Ahli Profesional
Yang Bersahsiah Murni, Kompeten Dan Berketerampilan Tinggi
Melalui Pendidikan Universiti Teknikal Berkualiti Dan
Bertaraf Dunia Berteraskan Pengajaran, Pembelajaran Dan
Penyelidikan Berorientasikan Aplikasi
Dengan Perkongsian Pintar Universiti-industri
Sejajar Dengan Aspirasi Negara





MISSION

To Produce Highly Competent
Professionals Through Quality And World Class
Technical University Education Based On
Application-oriented Teaching,
Learning And Research With Smart
University Industry Partnership In
Line With National Aspirations



OBJEKTIF UNIVERSITI

1. Menjadi Sebuah Organisasi Pembelajaran Dan Keilmuan Yang Kreatif Dan Inovatif Menawarkan Program Akademik Dalam Bidang Kejuruteraan Teknologi Berorientasikan Aplikasi Dan Amalan
2. Menerajui Aktiviti Penyelidikan Dan Pembangunan, Pengkomersilan/ Inovasi Dan Perundingan Yang Berlandaskan Keperluan Industri
3. Melahirkan Graduan Yang Kompeten Dan Bersahsiah Murni Yang Menjadi Pilihan Utama Industri
4. Mempunyai Staf Yang Kompeten Dan Berkelayakan Tinggi Serta Memiliki Pengalaman Praktikal Yang Luas
5. Memainkan Peranan Berkesan Sebagai Penggerak Kepada Pembangunan Perindustrian Negara
6. Mengadakan Kerjasama Dan Perkongsian Pintar Universiti-Industri
7. Mengadakan Prasarana Persek-itaran Yang Kondusif Untuk Menjana Dan Mengekalkan Kecemerlangan
8. Melaksanakan Penggunaan ICT Secara Menyeluruh Dan Meluas Dalam Aktiviti Akademik Dan Pengurusan Universiti

OBJECTIVES OF THE UNIVERSITY

1. To become a creative and innovative organization- based on an application oriented academic education in engineering and technology
2. To lead in activities related to research and development, commercialization/ innovation and consultancy based on the requirements of industry
3. To produce competent graduates with high moral values so that they will be the preferred choice of industry
4. To have competent and highly qualified staff with vast practical experience
5. To play an effective role in the industrial development of the nation
6. To establish smart university partnership and collaboration with industry
7. To provide an environment conducive to the development of excellence
8. To take a holistic approach to ICT applications in the academic and management activities of the university



DASAR KUALITI

Semua warga UTeM beriltizam memberi perkhidmatan, pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan masyarakat yang berkualiti dan berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan.

QUALITY POLICY

Everyone in UTeM is committed to quality in rendering services, teaching & learning, research consultancy and community services and strives for continuous quality enhancement.



CANSELOR CHANCELLOR

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka
Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob
S.M.N., D.U.N.M., S.U.M.Z., S.J.M.K., S.S.A.P., P.S.M., S.I.M.P., S.P.D.K., D.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P., G.C.O.M.(GER)





NAIB CANSELOR
VICE CHANCELLOR

Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan









AHLI LEMBAGA PENGARAH THE UNIVERSITY BOARD OF DIRECTORS

PENGERUSI CHAIRMAN

Y.Bhg Tan Sri Dato' Seri Mohd Salleh bin Sulong
Penasihat Master-Defense (M) Sdn. Bhd.
Advisor Master-Defense (M) Sdn. Bhd.

AHLI AHLI MEMBERS

- 1 Y.Bhg. Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan**
Naib Canselor
Vice Chancellor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- 2 Y.Bhg. Datuk Wira Ir. Md. Sidek bin Ahmad**
Naib Presiden Kanan (Operasi & Teknikal)
Senior Vice President (Operation and Technical)
Tenaga Nasional Berhad
- 3 Y.Bhg. Datuk Haji Kamaruddin bin Awang**
Pengerusi Eksekutif
Executive Chairman
Suremax Group Bhd
- 4 Y.B. Datuk Wira Ismail bin Saleh**
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
State Secretary of Melaka
- 5 Prof. Madya Dr. Mohamed Nasser bin Mohamed Noor**
Pengarah
Bahagian Pemasaran dan Pendidikan
Antarabangsa
Jabatan Pengurusan IPT
Director International Marketing and Education Division

- 6 Y.Bhg. Datuk Hj Hazizah binti Hj Mohd Sultan**
Pengarah
Director
Syarikat Zaris Sdn. Bhd

- 7 Encik Zamzuri bin Abdul Aziz**
Penolong Pengarah Kanan Belanjawan
Bahagian Pengurusan Belanjawan
Kementerian Kewangan Malaysia
**Senior Assistant Director of Budgetary
Budget Management Division
Ministry of Finance Malaysia**

AHLI GANTI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI ALTERNATE MEMBER MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

- 8 Encik Shabudin bin Man**
Pengarah Bahagian Pendaftaran dan Piawaian
Sektor Pengurusan IPTS
Jabatan Pengurusan IPT
Kementerian Pengajian Tinggi
**Director of Registration and Standards Division
Private Higher Education Management Sector
Ministry of Higher Education**

SETIAUSAHA SECRETARY

- 9 Encik Hasan bin Sirun**
Pendaftar
Registrar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



PENGERUSI
CHAIRMAN
Y.Bhg Tan Sri Dato' Seri Mohd Salleh bin Sulong
Penasihat Master-Defense (M) Sdn. Bhd.
Advisor Master-Defense (M) Sdn. Bhd.







PROFIL UTeM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000. Ia telah ditubuhkan di bawah Seksyen 20, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Akta 30). UTeM ialah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-14 dan universiti teknikal pertama di Malaysia dengan mengadaptasikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan 'Aplikasi dan Amalan'.

Pada ketika ini, ia beroperasi di tiga buah kampus iaitu Kampus Induk di Durian Tunggal, Kampus Industri di Ayer Keroh dan Kampus Bandar di Bandar Melaka. Kampus Induk yang berkeluasan 766 ekar dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2010. Dua Fakulti telah beroperasi di Kampus Induk iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer. Kampus Bandar yang terletak di pusat Bandar Melaka pula menempatkan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan, Penerbit Universiti, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran dan Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi.

UTeM mempunyai lima buah fakulti dan dua buah pusat. Ia adalah Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi sementara dua pusat itu ialah Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan serta Pusat Universiti Industri. UTeM menawarkan program pengajian di peringkat diploma, sarjana muda, sarjana, dan doktor falsafah (Ph.D). Program-program pengajian yang ditawarkan ini adalah berteraskan kepada bidang kejuruteraan dan ICT.

Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan pula ditubuhkan dengan matlamat untuk menawarkan pengajian pasca siswazah dalam bidang pengurusan teknologi dan keusahawanan. Pusat Pengajian Siswazah pula ditubuhkan bagi menyelaras penawaran program pasca siswazah di UTeM.

Program pengajian yang ditawarkan ini dipastikan sentiasa relevan dan kontemporari selaras dengan misi universiti untuk melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui pendidikan teknikal berkualiti dan bertaraf dunia.



UTeM'S PROFILE

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) was established on 1 December, 2000. It was established under Section 20 of the University and University College Act 1971 (Act 30) under the Orders of Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Incorporated) 2001. UTeM is the 14th Public Higher Education Institution (PHEI) in Malaysia. UTeM adopts the Practice and Application Orientation education approach.

The university currently operates from three campuses, the Main Campus in Durian Tunggal, Industry Campus in Ayer Keroh, and City Campus within Melaka. The 766-acre main campus is expected to be completed by 2010. Currently, two faculties, Electrical Engineering and Electronics and Computer Engineering are in full operation at the main campus. The third campus; the City Campus which is in the heart of Melaka City houses the Institute of Technology Management & Entrepreneurship, University Publisher, Centre for Teaching & Learning, and Centre for Quality Assurance & Accreditation.

UTeM has five faculties and two centres. The faculties are Electrical Engineering, Electronic and Computer Engineering, Mechanical Engineering, Manufacturing Engineering, and Information & Communication Technology whilst the two academic centres are the Language and Human Development Centre, and the University-Industry Centre (UNIC). The university offers academic programmes at diploma, bachelor, master and PhD levels. The programmes are basically in the field of engineering and Information and Communication Technology (ICT).

The Institute of Technology Management and Entrepreneurship was established to offer post-graduate programmes on technology management and entrepreneurship. The Centre for Graduate Studies was established to coordinate postgraduate studies at UTeM.

The programmes offered in UTeM are relevant and contemporary as parallel to the mission of university to produce highly competent professionals through world class higher technical education.





Senarai Fakulti, Pusat dan Institut

List of Faculties, Centres and Institutes





SENARAI FAKULTI, PUSAT DAN INSTITUT

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Siswazah

Pusat Universiti Industri

Pusat Pengajaran Dan Pembelajaran

Institut Pengurusan Teknologi Dan Keusahawanan

LIST OF FACULTIES, CENTRES AND INSTITUTES

Faculty of Electrical Engineering

Faculty of Electronic and Computer Engineering

Faculty of Mechanical Engineering

Faculty of Manufacturing Engineering

Faculty of Information and Communication Technology

Centre for Languages dan Human Development

Centre for Graduate Studies

University Industry Centre

Centre for Teaching and Learning

Institute of Technology Management and Entrepreneurship



Pengurusan Universiti

University Management





PENGURUSAN UNIVERSITI THE UNIVERSITY MANAGEMENT





- 1 Y.Bhg. Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan**
Naib Canselor
Vice Chancellor
- 2 Y.Bhg. Dato' Prof. Dr Abu bin Abdullah**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Deputy Vice Chancellor (Academic & International)
- 3 Y.Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation)
- 4 Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain**
Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Dean Student Affairs and Alumni
- 5 Encik Hasan bin Sirun**
Pendaftar
Registrar
- 6 Encik Khairul bin Taib**
Bendahari
Bursar
- 7 Puan Hajah Faridah binti Hj. Md. Amin**
Ketua Pustakawan
Chief Librarian
- 8 Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman**
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Dean Faculty of Electrical Engineering
- 9 Prof. Madya Abdul Rani bin Othman**
Pemangku Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer
Acting Dean Faculty of Electronic & Computer Engineering
- 10 Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad**
Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
Dean Faculty of Manufacturing Engineering
- 11 Prof. Madya Dr. Md. Radzai bin Said**
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Dean Faculty of Mechanical Engineering








- 12 Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin**
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi
Dean Faculty of Information & Communication Technology
- 13 Prof. Madya Dr. Hanipah binti Hussin**
Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Dean Centre for Language & Human Development
- 14 Prof. Dr. Hj. Md. Taib bin Hj. Dora**
Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Dean Centre for Graduates Studies
- 15 Prof. Dr. Salleh bin Yahya**
Dekan Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan.
Dean Institute of Technology Management & Entrepreneurship
- 16 Prof. Madya Jasmin binti Baba**
Pemangku Dekan Pusat Universiti Industri
Acting Dean University Industry Centre
- 17 Prof. Madya Dr. Zolkepli bin Buang**
Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran
Director Centre for Teaching and Learning
- 18 Prof. Madya Shahdan bin Md. Lani**
Pengarah Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi
Director Quality Assurance and Accreditation Centre
- 19 Puan Hajah Noraida binti Attan**
Pengarah Pejabat Pembangunan & Pengurusan Asset
Director Development & Asset Management Office
- 20 Encik Mohd Isa bin Mohd Dom**
Pengarah Pusat Komputer
Director Computer Centre







Laporan Naib Canselor
Vice Chancellor's Report





LAPORAN NAIB CANSOLOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wrt. wbt. dan salam sejahtera

Syukur alhamdulillah kerana saya telah diberi kesempatan sekali lagi untuk melaporkan kemajuan yang telah dicapai oleh universiti. Tahun 2007 UTeM berusia tujuh tahun, dan tahun ini juga amat signifikan serta bersejarah kepada kita kerana mulai 1 Februari 2007 telah berlaku penjenamaan semula universiti daripada “Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia” (KUTKM) kepada “Universiti Teknikal Malaysia Melaka” (UTeM). Walaupun masih baru berbanding dengan universiti yang lebih lama ditubuhkan, UTeM telah melalui satu perjalanan yang jauh sepanjang tempoh kematangannya. Sesungguhnya saya berasa amat bertuah kerana telah mempunyai satu kumpulan kerja yang sentiasa komited dengan tugas yang telah diamanahkan. Sekalung ucapan tahniah saya berikan kepada semua warga universiti yang telah merealisasikan kecemerlangan sepanjang saya di UTeM.

“Pembudayaan Kecemerlangan Akademik” telah dipilih sebagai tema UTeM bagi tahun 2007. Selaras dengan tema itu, segala program universiti telah dirancang dan terarah bagi menterjemahkan tema tersebut. Di samping itu, Pelan Strategik UTeM 2006 hingga 2010 telah diperkemas dan dimurnikan selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020 dan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Saya yakin kita akan dapat mencapai pembangunan UTeM apabila kita boleh mematuhi perancangan yang ditetapkan dalam Pelan Strategik ini.

Pembangunan Kampus

Pada tahun 2007 ini UTeM telah beroperasi di tiga buah kampus iaitu Kampus Induk di Durian Tunggal, Kampus Industri di Ayer Keroh dan Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah, Melaka. Satu lagi projek yang telah dirancang pada tahun ini ialah pembinaan Kompleks Latihan dan Pembuatan melalui peruntukan Public Finance Initiative (PFI) untuk projek baru di bawah RMK9 sebanyak RM40 juta. Kompleks ini akan dibina dengan keluasan 10 ekar di Kampus Induk dan dijangka akan siap pada September 2008. Ia akan menempatkan sebuah kilang yang menjalankan aktiviti pembuatan komponen pesawat kapal terbang oleh sebuah syarikat Jepun. Keseluruhan kompleks akan dimanfaatkan kepada pelajar dan staf UTeM dengan kemudahan di bawah konsep “kilang pengajaran dan pembelajaran” (*teaching and learning factory*) selaras dengan kaedah yang diguna pakai oleh UTeM iaitu pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan.





VICE CHANCELLOR'S REPORT

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wrt wbt and greetings.

I am deeply honoured to be given yet another opportunity to report on the successes achieved by the university. UTeM is in its seventh year of operation, and this is a significant and historic time for us, because as of 1st February 2007, through a rebranding exercise, "Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia" (KUTKM) will now be known as "Universiti Teknikal Malaysia Melaka" (UTeM). I congratulate all those at the university who have helped to make my tenure at UTeM an excellent one.

"Enculturation of Academic Excellence" is the theme chosen for UTeM this year. Henceforth, all university programmes should be planned with this in mind. The UTeM Strategic Plan 2006 - 2010 has been refined in accordance with the National Higher Education Strategic Plan beyond the year 2020 and the National Higher Education Action Plan 2007- 2010 issued by the Ministry of Higher Education. I believe UTeM will attain the target of development if we adhere to the plans stipulated in the revised Strategic Plan.

Campus

Since 2007, UTeM has been operating from three campuses : the Main Campus in Durian Tunggal, the Industry Campus in Ayer Keroh and the City Campus at Jalan Hang Tuah, Melaka. Another project planned this year is the construction of a RM40 million Training and Manufacturing Complex. This is funded by the Public Finance Initiative (PFI) for new projects under the Ninth Malaysia Plan. Built on an area of 10 acres in the Main Campus, this complex is expected to be completed in September 2008. It will house a Japanese owned factory manufacturing aeroplane components. Students and staff will benefit from the facilities of the complex as the concept of Teaching and Learning Factory is in line with the Practice and Application Oriented education approach.



Kampus Bandar UTeM



Kampus Induk UTeM



Akademik

UTeM adalah universiti yang melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran berasaskan Aplikasi dan Amalan. Program akademik yang ditawarkan ialah dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi pada peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Pada sesi tahun 2007/08, Universiti melaksanakan lima program diploma, dan 22 program sarjana muda. Ini termasuklah tambahan dua program baru yang dimulakan pada sesi 2007/08 iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles) dan Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan).

Empat fakulti kejuruteraan iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) serta juga Institut Pengurusan Teknologi Keusahawanan (IPTK) menawarkan program sarjana dan doktor falsafah melalui penyelidikan. IPTK turut menawarkan program *Master of Business Administration (MBA) in Technology Management* secara kursus. Manakala, program *Master of Science (MSc.) in Engineering Business Management* dan *Manufacturing Engineering* secara bersama dengan Coventry University United Kingdom.

Kualiti dan Akreditasi

Universiti sentiasa memberi penekanan pada aspek kualiti berlandaskan kepada kepuasan serta pengiktirafan pelanggan. Usaha untuk mendapatkan Persijilan Kualiti MS ISO 9001:2000 bagi skop Reka bentuk dan Pembangunan Program Pendidikan dan Penyampaian Pendidikan Peringkat Sarjana Muda telah diperoleh pada 4 Feb 2005 dan telah dapat dikekalkan bagi tahun 2006 dan 2007.

Program akademik yang diikuti oleh tiga kumpulan graduan ulung yang tamat pengajian pada tahun 2005, 2006 dan 2007 telah pun mendapat akreditasi Lembaga Jurutera Malaysia (Board of Engineers - BEM) dan/atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pada tahun ini sebanyak tujuh lagi program sarjana muda telah menjalani proses penilaian untuk akreditasi dan pengiktirafan iaitu:

- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi dan Automasi)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Reka bentuk dan Inovasi)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Reka bentuk Pembuatan)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik dan Automasi).
- Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)

Konvokesyen

Majlis konvokesyen ketiga UTeM telah diadakan pada 4 dan 5 Ogos 2007 di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka dengan gemilangnya. UTeM telah dapat melahirkan 1,347 graduan iaitu 4 sarjana, 1,093 sarjana muda dan 250 diploma. Ini menjadikan keseluruhan graduan UTeM yang telah dikeluarkan ialah seramai 2816 orang. Daripada kajian pengesanan graduan yang dilakukan oleh Unit Kerjaya dan Alumni, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di dapati bahawa graduan UTeM tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan bidang yang dipelajari serta laris di pasaran kerja.



Pengantarabangsaan

Era globalisasi memerlukan UTeM meningkatkan program pengantarabangsaan bagi mencapai visi universiti untuk menjadi antara universiti yang terkemuka di dunia. Salah satu usaha yang dilakukan ialah dengan mendapatkan tenaga akademik yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi dari luar negara serta juga meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa. Bilangan staf antarabangsa pada tahun 2007 adalah seramai 21 orang manakala bilangan pelajar antarabangsa adalah 26 orang. Usaha berterusan bagi menarik dan menambah bilangan pelajar antarabangsa dipergiatkan serta penekanannya akan ditumpukan kepada kemasukan dalam program pasca siswazah. Semua fakulti dan pusat pembelajaran akan bertanggungjawab dalam hal ini dan ia diketuai oleh Pusat Pengajian Siswazah.

Pengantarabangsaan melalui jalinan hubungan kerjasama dengan universiti luar negara turut diusahakan. Sehingga kini sebanyak tujuh perjanjian persefahaman telah ditandatangani oleh UTeM dengan universiti luar negara termasuk satu pada tahun ini iaitu dengan Osaka Prefecture University, Jepun. Enam universiti lain yang mempunyai MoU dengan UTeM ialah Technical University Berlin, Coventry University, University of South Australia (UniSa), RMIT University Australia, University of Sheffield (UoS), England dan Institut Teknologi Bandung, Indonesia. Melalui MoU ini, UTeM dan universiti-universiti berkenaan akan mengadakan kerjasama dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan, program dan aktiviti akademik, pembangunan sumber manusia, pertukaran staf dan pertukaran pelajar.



Academic

UTeM adopts the Practice and Application Oriented education approach. The academic programmes offered are in the field of engineering, information technology and communication at diploma, bachelor, masters and PhD levels. For the 2007/2008 session, the university conducted five diploma programmes and 22 degree programmes. Two new programmes viz the Bachelor of Electronic Engineering (Wireless Communication) and Bachelor of Computer Science (Artificial Intelligence).

The four engineering faculties are the Faculty of Electrical Engineering, Faculty of Electronic and Computer Engineering (FKEKK), Faculty of Electrical Engineering (FKE), and Faculty of Mechanical Engineering (FKM). The Institute of Management Technology and Entrepreneurship (IPTK) offers Masters and PhD programmes by research. IPTK also offers the Master of Business Administration (MBA) in Technology Management by course work. The Master of Science (MSc.) in Engineering Business Management and Manufacturing Engineering is conducted in collaboration with the Coventry University, United Kingdom.

Quality and Accreditation

The university continuously emphasises the quality aspect based on customer satisfaction. The QUALITY CERTIFICATION MS ISO 9001:2000 for the Design and Development Education Programmes and also Provision of Educational Undergraduate Level were awarded on 4th February 2005 and have been maintained for the years 2006 and 2007.

The academic programmes for the graduates of 2005, 2006 and 2007 have gained accreditation from the Board of Engineers (BEM) and Public Service Department. This year, another seven bachelor programmes have been evaluated for the purpose of accreditation and recognition. They are:

- Bachelor of Electronic Engineering (Telecommunication Electronics)
- Bachelor of Electrical Engineering (Power Electronics and Drives)
- Bachelor of Electrical Engineering (Control, Instrumentation and Automation)
- Bachelor in Mechanical Engineering (Design and Innovation)
- Bachelor of Manufacturing Engineering (Manufacturing Design)
- Bachelor of Manufacturing Engineering (Robotics and Automation)
- Bachelor in Mechanical Engineering (Automotive)

Convocation

The third UTeM Convocation Ceremony was held in grandeur on the 4th and 5th of August 2007 at the Seri Negeri Hall, Ayer Keroh, Melaka. 1,347 graduands viz four masters, 1,093 bachelors degrees and 250 diplomas were conferred. Presently, a total of 2816 graduands have been produced. The tracer study by the Career and Alumni Unit, Student Affairs and Alumni revealed a high employability rate of UTeM graduates.



Internationalisation

The era of globalization calls for UTeM to increase the internationalisation programmes towards realising the vision of becoming one of the world's leading innovative and creative technical universities. Experienced and knowledgeable academics have been recruited and the intake of international students has been increased. The number of international staff and students in 2007 is 21 and 26 respectively. Ongoing efforts to attract international students are seriously made, however, the focus is on the enrolment in the postgraduate programmes. The Centre for Graduate Studies coordinates the postgraduate programmes.

Internationalisation through collaboration with universities abroad is stressed. Thus far, seven memorandums of understanding (MoU) have been signed between UTeM and foreign universities including one this year with the Prefecture University, Japan. The other six universities are the Technical University Berlin, Coventry University, University of South Australia (UniSa), RMIT University Australia, University of Sheffield (UoS), England and Institut Teknologi Bandung, Indonesia. Through these MoUs, there will be collaboration in Research and Development, academic programmes and activities, and human resource development. Included in this collaboration is a staff and student exchange programme.





Jalinan Universiti dengan Industri

Penglibatan pakar industri dari dalam dan luar negara perlu dalam konteks mendapatkan pengalaman bagi meningkatkan lagi kualiti akademik dan penglibatan UTeM dalam industri. Pada tahun 2006 kita telah menubuhkan Panel Penasihat Industri (Industrial Advisory Panel – IAP) yang dianggotai oleh tokoh industri dari Jerman, Jepun, Australia, England dan Malaysia dan mesyuarat pertama telah diadakan pada tahun berkenaan. Sebagai kesinambungannya kita telah mengadakan mesyuaratnya kali kedua pada 27 dan 28 November 2007. Panel ini akan meneruskan peranan utamanya untuk memberi nasihat kepada universiti berkaitan hala tuju meningkatkan hubungan universiti dengan industri serta khidmat sebagai perunding untuk sesuatu projek.

Pada tahun ini satu Perjanjian Persefahaman telah ditandatangani dengan industri luar negara iaitu Feinmechanik Michael Deckel GmbH Germany, manakala dua Perjanjian Persefahaman dengan syarikat tempatan iaitu Anzag Industries Sdn Bhd dan Impressive Edge Sdn. Bhd. Ini menjadikan sebanyak 15 syarikat telah menandatangani Perjanjian Persefahaman sehingga kini dengan UTeM untuk menjadi rakan industri bagi kerjasama dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan, Latihan Industri dan penganjuran program.

Persidangan, seminar dan penerbitan

Tema universiti bagi tahun 2007 ialah “Pembudayaan Kecemerlangan Akademik”. Penganjuran pelbagai aktiviti akademik adalah untuk menyemarakkan lagi budaya keilmuan dan intelektual seperti persidangan, seminar, konvensyen, kolokium, bengkel dan forum sejajar dengan tema.

UTeM telah menganjurkan dua persidangan bertaraf antarabangsa pada tahun ini iaitu International Conference on Engineering and ICT (iCEi) pada 27 & 28 November 2007 dan International Conference on Applied Electromagnetics (APACE) 2007 pada 4-6 Disember 2007. Selain itu turut mengadakan dua seminar dengan industri iaitu Advanced Plastic Moulding Technologies dengan Mod Tec Pty. Ltd. Australia pada 5 Mac 2007 dan *Technology in Design and Manufacturing of Higher Education* bersama Unigraphics Corporatin USA dan CaddCam Group of Companies Malaysia pada 30 April 2007.

Pada tahun 2007, universiti juga telah menggerakkan siri syarahan perdana atau “*professorial lectures*” yang telah dibentangkan oleh para Profesor UTeM dan dibuka kepada orang ramai. Dalam bidang penerbitan pula, universiti telah menerbitkan dua jurnal setahun iaitu “*Journal of Technology Management and Entrepreneurship*” yang bertaraf antarabangsa dengan muatan makalah berkualiti tinggi dari dalam dan luar negara. Tahun ini juga memperlihatkan satu lagi langkah yang sama diambil dengan penerbitan “*Journal of Advanced Manufacturing Technology*”

Pembangunan staf

Jumlah staf pada tahun ini ialah 1180 orang iaitu 569 staf akademik dan 611 staf pentadbiran dan sokongan. Bagi melahirkan pekerja yang berpengetahuan, pihak universiti telah menganjurkan pelbagai latihan seperti kursus, seminar, bengkel, kolokium, pembentangan kertas kerja dan sebagainya yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (*Human Resource Department – HRD*), Pejabat Pendaftar. HRD telah menganjurkan sebanyak 68 kursus secara dalaman.

Dalam aspek akademik, universiti telah menetapkan sasaran seramai 50% staf akademik memiliki ijazah Doktor Falsafah menjelang tahun 2010. Untuk mencapai sasaran ini, Universiti membuat perancangan pengambilan terus dan menghantar staf melanjutkan pelajaran di bawah skim Latihan Akademik SLAB, SLAI dan bajet Universiti. Keutamaan diberi kepada institusi pengajian terkemuka dan digalakkan tidak menumpu kepada United Kingdom (UK). Sekarang UTeM mempunyai staf yang sedang melanjutkan pelajaran peringkat sarjana dan doktor falsafah di UK, Jerman, Holland, Belgium, Jepun, Australia, New Zealand dan USA. Kepelbagaian lokasi ini akan memperkasakan dan meningkatkan lagi profil universiti.

Pihak universiti telah menubuhkan dua pusat baru pada 10 Disember 2007 bagi memantapkan lagi pengurusan. Selain daripada Pusat Sukan yang ditubuhkan dan diletakkan di bawah Canselori, universiti juga menubuhkan Pusat Islam yang diketuai oleh seorang Pengarah. Penubuhan Pusat Islam ini bertujuan memenuhi tanggungjawab universiti yang semakin mencabar untuk melahirkan warga universiti yang bersahsiah murni, berakhlak mulia dan berintegriti. Manakala Pusat Sukan pula ditubuhkan untuk mengurus Kompleks Sukan di Kampus Induk yang telah siap dibina selain dapat menyelaras semua aktiviti sukan dan rekreasi di universiti.



University-Industry Partnership

The involvement of local and foreign industrial experts is needed to enhance academic quality and improve university-industry partnership. In 2006, the Industrial Advisory Panel – IAP was established comprising experts from Germany, Japan, Australia, England and Malaysia. The first meeting was held in the same year. A second meeting was held on the 27th and 28th November 2007. This panel's prime role is to advise the university on University-Industry collaboration and consultancy services.

This year MoUs were signed with a foreign industry; Feinmechanik Michael Deckel GmbH Germany and two local companies; Anzag Industries Sdn Bhd and Impressive Edge Sdn. Bhd. To date UTeM has 15 MoUs with various industries in the areas of Research and Development, Industrial Training and joint-ventures.

Conference, Seminar and Publication

The 2007 theme chosen for UTeM is "Enculturation of Academic Excellence". Diverse academic activities such as conferences, seminars, conventions, colloquiums, workshops and forums were organized to further intensify the academic and intellectual culture. UTeM organised two international seminars; the *International Conference on Engineering and ICT (iCEi)* on 27th and 28th November 2007, and an *International Conference on Applied Electromagnetic (APACE)* on 4-6 December 2007. In addition, two joint seminars with the industry were held: the *Advanced Plastic Moulding Technologies* with Mod Tec Pty. Ltd. Australia on the 5th of March 2007 and *Technology in Design and Manufacturing of Higher Education* in collaboration with Unigraphics Corporation USA and CaddCam Group of Companies Malaysia on 30th April 2007.

In 2007, the university initiated a series of Professorial Lectures presented by UTeM Professors. The university manages the annual publication of an international journal called the *Journal of Technology Management*. It has also come out with its first publication for *Entrepreneurship* and *Journal of Advanced Manufacturing Technology*.

Human Resource Management

The total number of staff is 1180: 569 academic staff and 611 administration and support staff. The *Human Resource Department* has organised various courses, seminars, workshops, colloquiums, and paper presentations to maintain a knowledgeable and efficient workforce.

In the academic aspect, it is the university's aspiration that 50% of its academics will have attained their PhDs by the year 2010. To facilitate this endeavour, the university has organised the Research Methodology Programme and IELTS programme to improve their research and English communication skills. The placement of staff for academic development is not only

in the UK but also in Germany, Holland, Belgium, Japan, Australia, New Zealand and the USA.

The Islamic Centre and the Sporst Centre were established on 10th December 2007 to enhance organizational management. The Islamic Centre helps to instill moral values among individuals whereas the Sports Centre is to develop the human capital as a whole.





Penyelidikan dan Pembangunan

Di bawah RMK 9 dana penyelidikan *science fund* berjumlah RM1.5 bilion diperuntukkan oleh Kerajaan. Dalam pengagihan pertama, sebanyak RM196,178,852 telah diagihkan oleh MOSTI, dan Universiti mendapat hanya RM369,350 (2006/2007) sahaja melibatkan dua projek. Selepas itu pada pusingan pertama 2007/2008 nilai ini bertambah sebanyak RM1,416,600 yang melibatkan enam projek. Ia menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan yang diperoleh adalah sebanyak RM1,785,950 bagi melaksanakan lapan projek. KPT pula memberi geran di bawah dana Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) sebanyak RM200 juta untuk tempoh RMK 9. Setakat ini, universiti telah mendapat peruntukan RM4,347,890 melalui 73 projek iaitu 13 projek bagi fasa 1 berjumlah RM 183,140 dan 60 projek bagi fasa 2 berjumlah RM4,164,750.

Penyertaan dalam aktiviti penyelidikan dan pameran sentiasa digalakkan supaya para penyelidik mempunyai peluang mempamerkan hasil penyelidikan mereka. Ini akan dapat mendorong minat dan motivasi mereka untuk bergiat cergas dalam aktiviti R & D. Bagi tahun 2007 universiti telah menyertai dan mengambil bahagian dalam empat pameran dan penyelidikan.

Pada ITEX 2007, satu produk UTeM telah mendapat pengiktirafan antarabangsa EUREKA Award dari Belgium. Produk *Bullet-Proof Vest* yang memenangi pingat emas di Geneva pada tahun ini juga telah mendapat anugerah tertinggi inovasi di International Warsaw Invention Show pada 30 Mei 2007.

Perundingan

Aktiviti perundingan adalah penting kepada universiti sebagai persediaan menjana pendapatan untuk menanggung sendiri 30% perbelanjaan pengurusan pada 2010. Pada tahun ini universiti mencatat nilai aktiviti perundingan berjumlah RM7.1 juta melalui dua projek iaitu daripada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Kuantan sebagai Pembekal Teknologi bernilai RM6.7 juta serta satu lagi projek pembangunan sistem maklumat bagi Universiti Malaysia Sabah bernilai RM1.6 juta.

UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) yang ditubuhkan pada tahun 2006 adalah bertujuan untuk menjalankan aktiviti pelaburan dan pengkomersilan. Aktiviti pertama yang UHSB yang telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ialah penubuhan anak syarikatnya UTeM Solution Sdn. Bhd. dengan modal berbayar RM1 juta dikongsi bersama UTeM Holdings (60%) dan Syarikat In-Fusion Sdn. Bhd. Satu perjanjian persefahaman telah ditandatangani pada 28 Disember 2007 bagi menjalankan perusahaan pembangunan modul e-Pembelajaran untuk kegunaan UTeM serta bagi tujuan dipasarkan kepada institusi pengajian yang lain.

Unjuran dan Aktiviti Pelajar

Kemasukan kumpulan pertama pelajar UTeM dibuat pada Jun 2001 iaitu seramai 348 orang (pada ketika itu dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia). Ia kemudian semakin meningkat pada setiap tahun sehingga mencapai 5,374 orang bagi sesi tahun 2006/07 dan bilangan pelajar baru bagi sesi tahun 2007/08 yang diambil ialah 1571 orang. Enrolmen bagi pelajar pasca siswazah pula bagi tahun 2007 ialah 184 orang iaitu 152 sarjana dan 32 doktor falsafah. Universiti telah menetapkan unjuran pelajar pada tahun 2010 adalah seramai 10,000 orang yang merangkumi pelajar diploma, sarjana muda dan pasca siswazah.

Aktiviti pelajar dikendalikan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA). Sebanyak 148 aktiviti telah diadakan oleh HEPA yang merangkumi semua jenis aktiviti seperti kemasyarakatan, kebudayaan, sukan dan sebagainya. Sebanyak dua Program Bakti Siswa diadakan untuk mendekatkan pelajar dengan masyarakat setempat dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan ahli jawatankuasa penduduk.

Pasukan Sukarelawan Polis Siswa (SUKSIS) telah dimulakan pada 31 Julai 2006 dan mula bergerak cergas pada tahun 2007. Keanggotaan pada peringkat permulaan terdiri dari 40 siswa dan lima pegawai terdiri dari staf Universiti. UTeM masih berhasrat untuk menubuhkan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) bagi menjadikan pasukan beruniform kedua ditubuhkan kepada pelajar di universiti ini.



Research and Development

In the Ninth Malaysia Plan, RM1.5 billion has been allocated for the Science Fund. The university secured RM369,350 (2006/2007) for two projects. In 2007/2008, the university received another RM1,416,60 for six projects. This amounts to RM1,785,950 for eight projects. The Ministry of Higher Education granted RM200 million under the Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) for the Ninth Malaysian Plan. To date, the university has secured RM4,347,890 via 73 projects: 13 projects in phase 1 amounting to RM 183,140 and 60 projects in phase 2 amounting to RM 4,164,750.

Participation in research activities and exhibitions are always encouraged to promote excellence in research . For 2007, the university participated and took part in four research exhibitions.

In ITEX 2007, the *Anti Flood Valve* garnered the EUREKA Award Belgium in the Best Household Item category. The *Bullet-Proof Vest* won the gold medal in Geneva and was awarded best innovation award at the Warsaw Invention Show on 30th May 2007.



Consultation

Consultancy activities to generate income are important to the university in order to self-sustain 30% of the management expenditure by 2010. UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) established in 2006 was to conduct investment and commercialization activities. The first University Board of Directors to set up the subsidiary company; the UTeM Solution Sdn. Bhd. with a paid up capital of RM 1 million shared between UTeM Holdings (60%) and In-Fusion Sdn. Bhd. A MoU was signed on 28th December 2007 to develop the e-Learning Modules to be used by UTeM and marketed to other higher-learning institutions.

Activities and Student Enrolment

The enrolment of the first batch of 348 UTeM students was in June 2001 (previously known as Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia). For the 2006/07 session, the total number of students increased to 5,374 and the number of new students for the 2007/08 session was 1571. The intake for the postgraduate students for the year 2007 was 184 which includes 152 masters and 32 doctorate students. The University has set a target of 10,000 students at diploma, bachelor and postgraduate levels for the year 2010.

A total of 148 student activities were organised by the Student Affairs and Alumni (SAA) which included community, cultural, and sports activities. Two Bakti Siswa programmes were conducted with the cooperation of the Student Representative Council and the local community to foster better relationship.





HEPA juga menganjurkan Karnival Kerjaya 2007 pada 4-7 April 2007 yang bertujuan memberi pendedahan dan maklumat kepada bakal graduan serta membina laluan kerjaya mereka selepas tamat pengajian. Selain pameran oleh 20 industri, aktiviti lain yang diadakan ialah temu duga terbuka oleh pihak industri. Ini adalah langkah proaktif yang diambil UTeM bagi kebolehan pasaran graduannya. Pada bulan Mei 2007, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan diadakan ialah temu duga terbuka oleh pihak industri. Ini adalah langkah proaktif yang diambil UTeM bagi kebolehan pasaran graduannya. Pada bulan Mei 2007, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan telah mengendalikan satu program khas Kemahiran Insan (KI) kepada sekumpulan pelajar yang telah tamat pengajian sebagai persediaan bagi mereka dalam permohonan mendapat pekerjaan. Tujuan program ini ialah untuk menyediakan graduan UTeM dengan kemahiran tambahan yang mengandungi elemen-elemen KI dan kemahiran berbahasa dari segi komunikasi dan penulisan. Selain itu program ini juga dapat memperkembangkan penampilan diri dan pembentukan sahsiah graduan UTeM supaya berdaya saing dalam dunia kerjaya yang kompetitif.

Penutup

Pendakian untuk mencapai kejayaan semakin hari adalah semakin tinggi dan ia semakin sukar. Dunia akademik dan dunia pengurusan adalah bidang yang sangat terbentang luas, seolah-olah ia tiada sempadan dan tiada perhentian. Setiap satu langkah yang telah diambil memerlukan satu langkah yang lebih gagah untuk meneruskannya. Berjuang untuk mencapai puncak kejayaan memerlukan kita bersemangat kental dan tidak mudah berputus asa.

Visi Universiti untuk menjadi universiti teknikal inovatif yang terkemuka di dunia memerlukan satu perancangan yang sempurna dan disempurnakan juga oleh mereka yang bercita-cita tinggi. Warga UTeM perlu memahami dan menghayati visi yang telah sama-sama kita tetapkan. Ia perlu diterjemahkan dalam bentuk usaha dalam semua aspek kerja dan sentiasa mengutamakan kualiti.

Kepada seluruh warga universiti saya mengharapkan supaya kita dapat bekerjasama untuk memacu kejayaan UTeM ke arah kecemerlangan. Mari kita menyatukan azam dan tekad demi memikul amanah untuk mendidik anak bangsa demi melahirkan modal insan kelas pertama yang seterusnya akan dapat mengharumkan negara di persada dunia.

Sekian, terima kasih.



The Student Voluntary Royal Police Corps which was established in July 2006 consists of 40 graduates. UTeM plans to start *Pasukan Latihan Pegawai Simpanan* (PALAPES) as the second uniformed unit. The SAA also organized *Karnival Kerjaya* on 4th to 7th of April 2007 with the aim of exposing students to future career paths. An open interview was conducted by 20 participating industrial companies as a proactive measure taken by the university to enhance employability of graduates.

In May 2007 the Centre of Languages and Human Development organised a programme for students to help develop additional soft skills and language proficiency as a preparatory step towards employment in the competitive career world.

The strive for success is increasingly challenging. The academic and management worlds are vast and borderless. Every effort calls for another much more arduous one in our journey to excel.

The university's vision to become a world-renowned technical university demands immaculate planning and execution by all stakeholders. Collectively, the UTeM community needs to internalize the vision that has been determined. It must be translated in the form of quality in all work aspects.

I know that all of us at the university will do our very best to strive for excellence. Let us be united in carrying out the responsibilities for producing the kind of human capital that will enhance the reputation of Malaysia in the eyes of the world.

Thank you.







AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Akademik dan aktiviti pengantarabangsaan merupakan salah satu elemen terpenting bagi sesebuah universiti. Sejak penubuhannya, program akademik yang ditawarkan oleh UTeM adalah berfokus ke arah bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat yang menjadi teras universiti dalam menjana modal insan atau sumber manusia yang berkualiti.

Pendidikan Berorientasikan Aplikasi dan Amalan

Sebagai sebuah universiti teknikal, UTeM menawarkan pendidikan berteraskan aplikasi dan amalan. Pendekatan ini bertujuan untuk menghasilkan mahasiswa yang mempunyai pengetahuan teori dan praktikal yang seimbang dalam menghasilkan modal insan yang sempurna. Ciri-ciri utama yang diterapkan dalam pendidikan universiti adalah seperti berikut:

A. Struktur Kurikulum dan Kursus

- Kursus yang ditawarkan adalah mengkhusus (specialized).
- Dibangun bersama industri untuk memenuhi keperluan industri.
- Kurikulum mengandungi 40% kuliah dan 60% aplikasi dan amalan.
